

# Paparan Identiti oleh Remaja dalam Beberapa Blog Terpilih

Nor Suhada Rasdi

*Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Kuantan, Pahang,  
MALAYSIA.*

## Article Information

Received 10 October 2014

Received in revised form 2 September 2015

Accepted 16 September 2015

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji paparan identiti oleh remaja dalam beberapa blog terpilih. Idea Goffman mengenai persesembahan diri dalam kehidupan seharian digunakan untuk melihat paparan identiti dalam blog golongan remaja. Walaupun idea Goffman spesifik kepada interaksi semuka, terdapat kajian lepas yang menggunakan idea ini dalam mengkaji blog. Sebanyak 10 blog responden yang terdiri daripada lima (5) blog remaja lelaki dan lima (5) blog remaja perempuan dipilih menerusi laman web "blogmalaysia" melalui kaedah Persampelan Bertujuan (Purposive Sampling). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis isi kandungan. Hasil kajian mendapati ciri-ciri identiti yang dipaparkan di blog remaja lelaki dan perempuan seperti biodata diri, reka letak halaman (layout), penggunaan warna dan hiasan lain di blog adalah berbeza. Pemilik blog remaja lelaki cenderung memaparkan perkara peribadi dan bukan peribadi berbanding pemilik blog remaja perempuan yang lebih cenderung memaparkan perkara peribadi di blog mereka. Perkara peribadi dan bukan peribadi yang dipaparkan oleh pemilik blog remaja lelaki dan perempuan adalah berbeza kerana berkait dengan identiti dan peranan gender mereka. Mereka aktif mempersembahkan diri mereka dalam blog dengan menggambarkan pelbagai watak dan peranan yang dipegang di luar alam maya. Ini menjadikan mereka unik antara satu sama lain. Ia jelas menunjukkan cara penulis blog untuk mewujudkan beberapa bentuk identiti maya melalui blog mereka. Oleh itu, kajian ini menunjukkan identiti maya yang dicipta oleh pemilik blog remaja lelaki dan perempuan dibina daripada identiti dan watak mereka di luar alam maya.

*Kata Kunci:*Paparan Identiti, Goffman, Identiti Maya, Blog, Remaja

## PENGENALAN

Blog menjadi salah satu fenomena baru yang melanda masyarakat Malaysia pada hari ini. Ia secara umumnya telah menggantikan penulis sandiaritradisional dan berfungsi sebagai alat yang berguna kepada individu untuk mempersembahkan diri dan membina imej diri mereka. Dengan kemunculan blog, ia telah menyediakan satu ruang bagi masyarakat khususnya golongan remaja untuk menyuarakan pendapat dan pandangan mereka di alam maya. Faizal (2009) menyatakan bahawa blog adalah singkatan bagi 'web' dan 'log' yang diperkenalkan oleh Jorn Barger pada 17 Disember 1997. Sehingga kini tiada istilah yang tepat dalam Bahasa Melayu untuk menterjemahkan definisi blog. Definisi blog yang disaran dalam Bahasa Melayu ialah citramaya atau lamancitra. Citramaya merujuk kepada pemikiran, reaksi dan pendapat seseorang individu